

## PERANAN INSTITUSI PENGHULU MUKIM BAGI MENCETUS PERMUAKATAN DALAM MASYARAKAT

\***Syed Lamsah Syed Chear**  
**Universiti Selangor**  
**syedlamsah@unisel.edu.my**

**Norhamidah Mohd Yusof**  
**Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu**

**Norazly Nordin**  
**Universiti Antarabangsa Albukhary**

### Abstract

The government spends hundreds of millions of ringgits to build public facilities such as community halls, recreational parks, walkways, road signs and so on. Yet current studies show some are poorly maintained and require an urgent overhaul. The local community is known to be able to contribute positively to the local council administration. Thus, the penghulu who is often referred to as the community leader is required to play a role in uniting both parties. The objective of this study is to find out the background of the penghulu mukim as well as to assess their skill level to initiate an engagement initiative between the community and public agencies to manage public facilities. The study is based on a spectrum model of five levels of public participation (IAP2). Analysis of data from the questionnaires showed that the penghulu has a high ability to devise an engagement strategy. On a scale of 1-7, the scores are initiating initiatives (6.36), negotiating (5.93), engaging participation (5.94), collaborating (6.39) and empowering (5.56). This study provides an opportunity for the state government to assess the need to improve the quality of services of the Penghulu institution including revision of service schemes.

*Keywords:* Penghulu mukim, community participation, engagement, state education

## **Abstrak**

Kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit untuk membina kemudahan awam seperti balai raya, taman rekreasi, laluan pejalan kaki, papan tanda jalan dan sebagainya. Namun kajian semasa menunjukkan ada yang tidak diselenggara dengan baik dan memerlukan baik pulih segera. Masyarakat tempatan diketahui dapat menyumbang secara positif kepada pentadbiran majlis tempatan. Justeru, penghulu yang sering dirujuk sebagai ketua masyarakat perlu memainkan peranan dalam menyatupadukan kedua-dua pihak. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui latar belakang penghulu mukim serta menilai tahap kemahiran mereka bagi memulakan inisiatif libat urus antara masyarakat dan agensi awam dalam menguruskan kemudahan awam. Kajian ini berdasarkan model spektrum lima tahap penyertaan awam (IAP2). Analisis data daripada soal selidik menunjukkan bahawa penghulu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk merangka strategi permuafakatan. Pada skala 1-7, skor memulakan inisiatif (6.36), berunding (5.93), melibatkan penyertaan (5.94), bekerjasama (6.39) dan memperkasakan (5.56). Kajian ini memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk menilai keperluan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan institusi Penghulu termasuk semakan skim perkhidmatan.

Kata kunci: Penghulu mukim, penyertaan masyarakat, muafakat, pendidikan negeri

## **PENDAHULUAN**

Penglibatan masyarakat dalam mengurus taman awam di kawasan pendalaman Malaysia adalah rendah kecuali jika ia memberikan manfaat ekonomi kepada mereka (A. N. Bakar, 2018; Hui et al., 2020). Di kawasan bandar, kesedaran masyarakat adalah sederhana dan masyarakat masih tidak begitu mengambil berat akan manfaat taman awam (Ahmad et al., 2018). Antara faktor yang menyebabkan masyarakat beranggapan sedemikian adalah taman awam dikaitkan kepada aktiviti sosial tidak sihat, peralatan dan kemudahan tidak diselenggara dengan baik, kebersihan taman tidak terjaga, *vandalisme* dan tiada jaminan keselamatan (Mansor et al., 2019). Amnya kajian-kajian ini menunjukkan akan kepincangan kelompok tertentu dalam masyarakat terhadap nilai permuafakatan dan kebertanggungjawaban terhadap fasiliti awam dan persekitarannya.

Sejak sekian lama kerajaan telah membelanjakan ratusan juta ringgit untuk membina kemudahan awam seperti balai raya, taman rekreasi, laluan pejalan kaki, tanda jalan dan sebagainya. Namun terdapat laporan menunjukkan sebilangan daripada kemudahan awam di lokasi tertentu tidak diselenggara dengan baik dan memerlukan baik pulih segera. Gejala *vandalisme* di kawasan awam mencerminkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir kelompok dalam masyarakat. Keselamatan di beberapa lokasi awam juga mula dipersoalkan sekaligus menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung ia turut menggambarkan ketidakcekapan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengurus fasiliti awam, sedangkan kedua-dua pihak iaitu kerajaan tempatan dan masyarakat mampu mewujudkan kerjasama strategik memelihara persekitaran awam bagi mencapai hasrat mewujudkan komuniti lebih sejahtera. Penghulu merupakan pemimpin paling dekat kepada masyarakat yang menjalankan tugas sebagai pegawai perantara untuk menyebarkan maklumat pentadbiran negeri, dasar-dasar kerajaan dan menganjur pembangunan di peringkat mukim. Maka para penghulu dituntut untuk memainkan peranan mewakili kedua-dua pihak berkepentingan dalam menangani isu ini.

Sehubungan dengan permasalahan yang dibangkitkan di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk mengetahui latar belakang penghulu mukim, dan menilai tahap kemahiran para penghulu untuk memulakan inisiatif permuafakatan yang melibatkan masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi awam. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat mengenalpasti keperluan latihan penghulu mukim serta strategi bagi memperkuuh permuafakatan dalam kalangan masyarakat dan NGO terhadap tanggungjawab bersama untuk menjaga kemudahan awam. Ia penting bagi meningkatkan imej institusi penghulu dan PBT kepada kalangan masyarakat sebagai peningkatan kualiti perkhidmatan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pembangunan taman awam adalah tertakluk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1995 (Pindaan) (Akta

A933). Ia dirujuk sebagai pembangunan tanah lapang dan rekreasi yang digunakan untuk tujuan sebagai taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat peranginan, tempat pejalan kaki awam atau suatu tempat awam (PLAN Malaysia, 1997). Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa 1997 menetapkan 10 peratus tanah lapang dan rekreasi bagi pembangunan perumahan, perdagangan, perindustrian, bercampur, pelancongan dan institusi. Pembangunan projek taman awam baru adalah melalui perkongsian pintar antara Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu PBT menyediakan tapak dan keluasan tanah yang bersesuaian untuk pembangunan taman awam baru; manakala JLN akan membangun, memantau dan melaksanakan pembangunan tersebut (JLN, 2008).


Pembinaan taman awam adalah untuk memupuk dan membudayakan kehidupan sihat dalam kalangan masyarakat (Jabatan Landskap Negara, 2021). Terdapat empat klasifikasi projek pembangunan iaitu pembangunan taman awam baru, naik taraf taman awam, pembangunan taman persekutuan dan pembangunan rekreasi awam. Kepentingan mengurus taman awam dan rekreasi secara berkesan telah disuarakan oleh ramai pengkaji (Hui et al., 2020; Mapjabil et al., 2016; Rosniza Azni et al., 2016). Menurut Hanafiah (2008), tahap pengurusan dan penyelenggaraan taman awam di bawah operasi pihak berkuasa tempatan didapati masih berada pada tahap sederhana. Abdul Malek dan Mariappan (2008) mencadangkan agar perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan taman awam perlu melibatkan masyarakat dan swasta. Sejajaran dengan cadangan ini, resolusi ke-8 Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 menyatakan secara jelas peranan PBT untuk mengadakan program advokasi melalui kerjasama strategik dengan semua pihak berkepentingan (Jabatan Landskap Negara, 2017).

Komuniti atau masyarakat setempat mampu memberi sumbangan positif kepada pentadbiran majlis tempatan yang lebih berkualiti (Oviasuyi, 2010). Begitu juga sebaliknya, majlis tempatan mempunyai peranan penting untuk memajukan masyarakat (Tuke et al., 2017). Taman awam merupakan platform terbaik untuk melibatkan kolaborasi dalam komuniti kerana ia terkena kepada setiap lapisan masyarakat. Kolaborasi komuniti bersama majlis tempatan bukan sahaja dapat mewujudkan persekitaran lebih selamat di taman awam dan kejiranan malah diyakini mampu untuk meningkatkan kualiti pentadbiran PBT khususnya yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberi kepada masyarakat. Ia mungkin satu daripada alternatif untuk menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan yang dihadapi oleh PBT akibat daripada kekurangan peruntukan, kepakaran dan seumpamanya (Ibrahim, 2015).

Jika disorot kembali kepada huraian-huraian di perenggan di atas, jelaslah bahawa perbincangan berkaitan pengurusan awam tidak dapat lari daripada mempertimbangkan nilai-nilai sepunya dalam masyarakat. Nilai sepunya masyarakat perlu diselaraskan dengan polisi pembangunan untuk memastikan isu-isu seperti keterlibatan dan tanggungjawab awam dapat ditangani dan dilaksanakan secara

berkesan (Zurina & Hukil, 2008). Kepimpinan dalam masyarakat sewajarnya dikaitkan kepada institusi penghulu kerana ia telah wujud sebelum zaman kolonial British di Tanah Melayu (S. M. Bakar, 2011). Penghulu merupakan pemimpin masyarakat yang menjalankan tugas sebagai pegawai perantaraan untuk menyebar maklumat pentadbiran negeri, dasar-dasar kerajaan dan menganjur pembangunan masyarakat di peringkat mukim (JPA, 2009). Namun begitu, tugas penghulu pada masa kini memerlukan pendekatan yang ketara berbeza dengan apa yang pernah dilakukan pada masa-masa dahulu dengan mengambil kira faktor keperluan dan perubahan persekitaran. Tambahan pula institusi penghulu turut diletakkan dalam hierarki pentadbiran pusat dan berhadapan dengan peraturan-peraturan yang formal (Ramli, 2013).

Dalam konteks kajian ini, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sewaktu Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terhadap peranan penghulu sebagai badan pergerakan kemasyarakatan wajar direnunggi. Menurut baginda, masyarakat mukim dan kampung mestilah menikmati hasil kepimpinan penghulu dalam semua bidang mencakupi ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan agama (Durahman, 2012). Rajah 1 menggambarkan kerangka konsep peranan penghulu dan masyarakat dalam permuafakatan mengurus kepentingan awam.



Rajah 1. Perkaitan peranan penghulu dan masyarakat dalam mengurus taman awam

Amnya permuafakatan dalam masyarakat adalah berlandaskan kepada konsep saling bekerjasama melibatkan ahli-ahli komuniti ke arah isu yang sama untuk manfaat bersama pada masa hadapan (Schlake, 2015). Ia boleh didefinisikan sebagai proses bekerja secara kolaboratif dengan dan melalui kumpulan masyarakat yang bergabung dalam jarak geografi, berkepentingan khas, atau situasi yang serupa untuk menangani isu-isu yang mempengaruhi kesejahteraan ahli-ahli kumpulan masyarakat. Secara ringkas ianya bermaksud sekumpulan ahli masyarakat yang bekerja secara kolaboratif, melalui tindakan dan pembelajaran yang diilhamkan, untuk mencipta dan merealisasikan visi yang lebih besar untuk meningkatkan kehidupan kelompok masyarakat yang lebih besar. Kajian awal oleh Chear et al. (2021; 2021) mendapatkan bahawa masyarakat setempat turut bersedia untuk membangunkan fasiliti di tadika dan

rumah kebajikan dalam kejiranannya mereka demi manfaat pembelajaran kanak-kanak di institusi-institusi tersebut.

## KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian mengikuti kaedah tinjauan iaitu bersifat deskriptif yang bertujuan untuk mengumpul data berhubung suatu fenomena atau kejadian yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Kaedah kajian ini sering dilakukan dalam bidang sains sosial untuk mengetahui tentang sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, tabiat, keinginan, idea dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang (Idris, 2013). Tempoh kajian adalah selama tiga bulan bermula 1 Ogos 2021 sehingga 30 Oktober 2021. Pengumpulan data adalah berdasarkan kaedah bercampur iaitu teknik kuantitatif dan kualitatif (tetapi data kualitatif tidak dibincangkan dalam artikel ini).

Responden merupakan kalangan penghulu mukim di Selangor. Senarai responden diperoleh melalui sumber data terbuka negeri Selangor yang menyenaraikan 51 orang penghulu mukim mencakupi sembilan daerah seperti di Jadual 1. Berdasarkan Krecjie dan Morgan (1970), jumlah sampel minimum yang diperlukan untuk kajian kuantitatif adalah 44 responden. Sebelum kajian dilakukan pengkaji menghubungi responden untuk menjelaskan objektif kajian dan maklumbalas yang diperlukan. Responden diberi pilihan untuk menjawab secara manual iaitu borang soal selidik yang hantar melalui emel atau secara dalam talian menggunakan *google form*. Responden dihubungi semula selang beberapa hari untuk memastikan responden memahami kandungan soal selidik dan menyerahkan kembali borang soal selidik.

**Jadual 1.** Bilangan penghulu mukim mengikut daerah di Selangor

Daerah	Kuala Selangor	Gombak	Hulu Langat	Klang	Petaling	Sabak Bernam	Hulu Selangor	Kuala Langat	Sepang
Bil.Penghulu	6	6	7	6	3	6	8	6	3

Borang soal terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi 10 item maklumat latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 35 item yang terbahagi kepada tujuh dimensi inisiatif permuafakatan berdasarkan kepada *Public Participation Spectrum Model* (International Association for Public Participation, 2018). Penyusunan setiap item disemak oleh pakar bidang bertaraf profesor dalam bidang pendidikan dan sosiologi. Ia telah mempertimbangkan keperluan maklumat yang diinginkan, latar belakang responden, kesediaan responden untuk memberikan maklumbalas dan ketepatan jawapan yang diinginkan dan pengaruh persekitaran (Farooq, 2018; Roopa & Rani, 2012; Sreejesh et al., 2014). Maklumbalas responden adalah bersandarkan tujuh skala seperti di Jadual 2 mematuhi prinsip asal skala Likert (Boone & Boone, 2012).

**Jadual 2.** Panduan Menjawab Soal Selidik

- 
- ⑦ Mampu mempengaruhi pihak lain untuk menyumbang kepada inisiatif berkepentingan awam.
  - ⑥ Sering menyumbang terhadap inisiatif berkepentingan awam dan boleh dicontohi pihak lain.
  - ⑤ Menunjukkan keupayaan memberikan sumbangan terhadap inisiatif berkepentingan awam.
  - ④ Memberikan maklum balas yang baik terhadap inisiatif berkaitan kepentingan awam.
-

(3)	Menunjukkan minat untuk terlibat dengan inisiatif yang dianjurkan.
(2)	Tidak berminat untuk terlibat dengan inisiatif yang dianjurkan.
(1)	Menentang inisiatif yang ingin dianjurkan.

Tafsiran lain yang boleh digunakan mengikut kata kunci pernyataan:

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Tidak pernah	Ada	Jarang sekali	Kadang-kadang	Kerap kali	Sangat kerap	Sangat-sangat kerap
Sering sangat tidak setuju	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Sering sangat setuju
Sering sangat tidak berpuashati	Sangat tidak puashati	Tidak puashati	Hampir tidak puashati	Puashati	Sangat puashati	Sering sangat puashati
Sangat-sangat rendah	Sangat rendah	Rendah	Sederhana tinggi	Tinggi	Sangat tinggi	Sangat-sangat tinggi

Hasil analisis data kuantitatif daripada borang soal selidik, pengkaji memilih responden tertentu untuk ditemui bual bagi mendapatkan penjelasan lebih terperinci. Analisis data kuantitatif dan kualitatif (tetapi data kualitatif tidak dibincangkan dalam artikel ini). Kemudiannya data-data ini ditafsirkan untuk mendapatkan pandangan baru mengenai kompetensi penghulu mukim. Bagaimanapun skop penilaian kajian ini hanya merujuk data kuantitatif. Dapatkan kajian adalah terbatas kepada daerah pentadbiran di negeri Selangor. Ini berdasarkan andaian bahawa kebertanggungjawaban penghulu mukim adalah terhad mengikut pentadbiran Pejabat Daerah masing-masing.

## DAPATAN KAJIAN

### Latar belakang responden

Nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi setiap domain kajian adalah antara 0.800 sehingga 0.943 seperti di Jadual 3. Nilai ini memberikan darjah kebolehpercayaan yang tinggi, maka instrumen boleh diterima (Tavakol & Dennick, 2011).

**Jadual 3.** Nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* soal selidik

Domain soal selidik	Bil. Item	Nilai Alpha	Petunjuk
Membina permuafakatan	5	0.938	Sangat baik
Berunding dengan masyarakat	5	0.952	Sangat baik
Melibatkan penyertaan masyarakat	5	0.800	Sangat baik
Bekerjasama dengan masyarakat	5	0.943	Sangat baik
Memperkasa permuafakatan	5	0.900	Sangat baik

Seramai 19 penghulu telah menjawab soal selidik mewakili 45% populasi sasaran. Pengalaman responden jika diukur berdasarkan tempoh jawatan disandang adalah agak seimbang iaitu 53% telah berkhidmat melebihi 5 tahun dan selebihnya kurang 5 tahun. Peratusan yang hampir sama mempunyai kelulusan minima sekurang-kurangnya sarjana muda. Latar belakang pekerjaan responden juga seimbang iaitu 52.6% berpengalaman lebih 10 tahun di sektor awam, dan 42.1% mempunyai pengalaman lebih 10 tahun di sektor swasta. Responden memberikan skor persepsi yang tinggi terhadap kerjaya seperti ditunjukkan di Jadual 4a. Berdasarkan skala 1-10, rata-rata responden memaklumkan bahawa pihak atasan iaitu Pegawai Daerah menaruh

harapan yang tinggi terhadap mereka (8.58), dan pada masa yang sama responden lebih mengharapkan sokongan daripada pihak atasan (8.84). Skor tinggi turut diberikan kepada tahap motivasi (8.47), kepuasan berkhidmat (8.37) dan kebolehan mengurus (8.05). Bagaimanapun responden memberikan skor sederhana terhadap kemahiran berkomunikasi (6.53).

Bagaimanapun, responden memberikan skor sederhana bagi persepsi terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat seperti ditunjukkan di Jadual 4b. Skor terendah iaitu tahap sederhana rendah dicatatkan untuk menghadiri kursus/latihan (5.16) dan kemampuan menganjurkan kursus/latihan (4.89). Skor bagi semua aspek tawaran perkhidmatan yang lain adalah sederhana iaitu kepakaran ahli kumpulan (5.63), kesediaan garis panduan (6.11), diterima sebagai pakar rujuk (6.16), mengenali latar belakang masyarakat (6.11), keutamaan memastikan kesejahteraan masyarakat (6.47), perkhidmatan yang telah diberikan (6.00), motivasi diterima (6.16) dan kebertanggungjawaban terhadap situasi dalam masyarakat (6.21).

**Jadual 4a.** Nilai mean persepsi kerjaya (perkhidmatan)

Persepsi perkhidmatan	Mean	Sisihan Piawai	Varian
Sokongan daripada pihak atasan	8.58	1.305	1.702
Harapan kepada pihak atasan	8.84	1.214	1.474
Motivasi melaksanakan tugas	8.47	1.307	1.708
Kepuasan berkhidmat	8.37	1.165	1.357
Kebolehan mengurus	8.05	1.177	1.386
Kemahiran berkomunikasi	6.53	2.389	5.708

**Jadual 4b.** Nilai mean persepsi perkhidmatan terhadap masyarakat

Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varian
Peluang menghadiri kursus/latihan	<b>5.16</b>	1.463	2.140
Kemampuan menganjurkan kursus/latihan	<b>4.89</b>	1.197	1.433
Kepakaran ahli kumpulan untuk mengurus masyarakat	5.63	0.684	0.468
Kesediaan garis panduan untuk mengurus masyarakat	6.11	1.049	1.099
Penerimaan sebagai pakar rujuk pengurusan masyarakat	6.16	1.015	1.029
Mengenali latar belakang masyarakat	6.11	1.912	3.655
Keutamaan memastikan kesejahteraan masyarakat	6.47	1.467	2.152
Perkhidmatan yang telah diberikan kepada masyarakat	6.00	1.155	1.333
Motivasi yang diterima daripada nilai-nilai bermasyarakat	6.16	1.608	2.585
Keber tanggungjawaban terhadap masyarakat	6.21	1.903	3.620

**Jadual 4c.** Tafsiran berdasarkan skala skor

Julat Skor Mean	Tafsiran
1.00 – 2.11	Sangat-sangat rendah
2.12 – 3.22	Sangat rendah
3.23 – 4.33	Rendah
4.34 – 5.44	Sederhana rendah
5.45 – 6.55	Sederhana
6.56 – 7.66	Sederhana tinggi
7.67 – 8.77	Tinggi

8.78 – 10.00	Sangat tinggi
--------------	---------------

Rumusan daripada analisis di Jadual 4a dan Jadual 4b mencadangkan bahawa responden iaitu kalangan penghulu mukim di Selangor mempunyai tahap motivasi, kepuasan berkhidmat serta kebolehan mengurus yang tinggi kecuali dalam aspek kemahiran berkomunikasi. Analisis lanjut iaitu korelasi antara faktor-faktor seperti ditunjukkan di Jadual 5 mencadangkan bahawa kekurangan latihan, ketiadaan garis panduan atau manual perkhidmatan dan kepakaran ahli serta tidak mengenali ahli masyarakat (diringkaskan sebagai Faktor A) tidak mempengaruhi secara signifikan keupayaan penghulu mukim untuk menganjurkan kursus dan diterima sebagai pakar rujuk (diringkaskan sebagai Faktor B), tetapi mempengaruhi secara signifikan tahap motivasi serta kebertanggungjawaban penghulu mukim kepada masyarakat (diringkaskan sebagai Faktor C).

**Jadual 5.** Nilai korelasi antara faktor-faktor latar belakang responden

Domain	Faktor A	Faktor B	Faktor C
Faktor A	1		
Faktor B	0.479*	1	
Faktor C	0.751**	0.157	1

\*\*Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

\*Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

**Jadual 5b.** Interpretasi skor korelasi antara faktor latar belakang responden

Nilai Korelasi	Interpretasi
1	Korelasi Positif / Negatif yang sempurna
$\pm 0.90$ sehingga $\pm 0.99$	Korelasi Positif / Negatif yang Sangat Tinggi
$\pm 0.70$ sehingga $\pm 0.89$	Korelasi Positif/Negatif Tinggi
$\pm 0.50$ sehingga $\pm 0.69$	Korelasi Positif/Negatif Sederhana
$\pm 0.30$ sehingga $\pm 0.49$	Korelasi Positif/Negatif Rendah
$\pm 0.10$ sehingga $\pm 0.29$	Korelasi positif/negatif yang sangat rendah
$\pm 0.0$ sehingga $\pm 0.09$	Korelasi Positif / Negatif yang Sangat Rendah dan Boleh Diabaikan

Berdasarkan nilai yang ditunjukkan di Jadual 5 dan Jadual 5b di atas, maka dapat dinyatakan bahawa;

- i. Korelasi produk Pearson Faktor A iaitu ‘latihan, manual perkhidmatan, kepakaran ahli dan mengenali masyarakat’ terhadap Faktor B iaitu ‘keupayaan menganjurkan kursus dan diterima sebagai pakar’ adalah **rendah positif** dan signifikan secara statistik ( $r = .479$ ,  $p<.005$ ). Ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam latihan, ketersediaan manual perkhidmatan, kepakaran ahli dan mengenali masyarakat akan hanya memberi kesan yang rendah kepada keupayaan menganjurkan kursus dan diterima sebagai pakar bagi kalangan penghulu mukim.
- ii. Korelasi produk Pearson Faktor A iaitu ‘latihan, manual perkhidmatan, kepakaran ahli dan mengenali masyarakat’ terhadap Faktor C iaitu ‘motivasi dan

kebertanggungjawaban' adalah **tinggi positif** dan signifikan secara statistik ( $r = .751$ ,  $p < .001$ ). Ia mencadangkan bahawa peningkatan dalam penyertaan latihan, ketersediaan manual perkhidmatan, kepakaran ahli kumpulan dan mengenali ahli masyarakat akan meningkatkan tahap motivasi dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi kalangan penghulu mukim.

### **Skor Keseluruhan Spektrum Penyertaan Awam (IAP2)**

Jadual 6 menunjukkan tahap kemahiran penghulu mukim untuk menggalakkan permuafakatan dalam masyarakat. Berdasarkan lima peringkat Spektrum Penyertaan Awam (IAP2) didapati skor sangat tinggi diberikan kepada tahap pertama hingga keempat iaitu membina permuafakatan (6.36), berunding dengan masyarakat (5.93), melibatkan penyertaan masyarakat (5.94) dan bekerjasama dengan masyarakat (6.39). Skor tinggi dicatatkan untuk spektrum kelima iaitu memperkasa permuafakatan (5.56).

**Jadual 6. Skor Spektrum Penyertaan Awam (IAP2)**

Domain soal selidik	Mean	Sisihan Piawai	Varian
Membina permuafakatan	6.36	1.3579	0.954
Berunding dengan masyarakat	5.93	1.4302	2.045
Melibatkan penyertaan masyarakat	5.94	1.0751	0.156
Bekerjasama dengan masyarakat	6.39	1.2657	1.602
Memperkasa permuafakatan	<b>5.56</b>	1.4675	2.154

**Jadual 6b. Skor keseluruhan Spektrum Penyertaan Awam (IAP2)**

Julat Skor Mean	Tahap Kemahiran (kompetensi)
1.00 – 2.16	Sangat rendah
2.17 – 3.32	Rendah
3.33 – 4.48	Sederhana
4.49 – 5.64	Tinggi
5.65 – 7.00	Sangat tinggi

### **Kompetensi 1. Memulakan permuafakatan**

Analisis terperinci keupayaan penghulu mukim untuk memulakan inisiatif permuafakatan dalam masyarakat ditunjukkan di Jadual 7. Amnya skor sangat tinggi diberikan kepada semua item iaitu menyenaraikan perkhidmatan (6.16), berkongsi maklumat (6.89), menjawab pertanyaan berkaitan hal ehwal kepentingan awam (6.74) dan mengambil langkah untuk mengenali individu dan pihak berkepentingan (6.11). Skor terendah adalah kemahiran untuk mencetuskan idea kolaborasi bagi kepentingan awam (5.89).

**Jadual 7. Nilai mean, sisihan piawai dan varians bagi kemahiran membina hubungan**

No.	Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varians
1.	Menyediakan senarai perkhidmatan	6.16	1.344	1.807
2.	Berkongsi maklumat berkepentingan awam	6.89	1.823	3.322
3.	Menjawab pertanyaan masyarakat	6.74	1.968	3.871

4.	Mengenali individu dan pihak berkepentingan	6.11	1.286	1.655
5.	Mencetus idea kolaborasi untuk kepentingan awam	<b>5.89</b>	1.243	1.544

## Kompetensi 2. Berunding dengan masyarakat

Jadual 8 menunjukkan tahap kemahiran penghulu mukim untuk berunding dengan masyarakat. Skor sangat tinggi diberikan kepada empat item iaitu membuat hebahan (6.21), menyalurkan maklum balas masyarakat kepada agensi berwajib (6.21), sedia berbincang (6.01) dan mendokumentasikan setiap tindakan yang telah dibuat (6.05). Skor tinggi diberikan kepada kemahiran untuk berunding dengan pihak swasta bagi menganjurkan program permuafakatan (5.16).

**Jadual 8.** Nilai mean, sisihan piawai bagi kemahiran berunding dengan masyarakat

No.	Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varians
1.	Menghebah dan mendapatkan maklum balas	6.21	1.273	1.620
2.	Menyalurkan maklum balas masyarakat	6.21	1.273	1.620
3.	Menawarkan masyarakat menyertai perbincangan	6.00	1.700	2.889
4.	Menawarkan pihak swasta untuk membantu mengurus	5.16	1.772	3.140
5.	Mendokumentasikan maklum balas masyarakat	6.05	2.041	2.041

## Kompetensi 3. Melibatkan masyarakat

Tahap kemahiran penghulu mukim bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam permuafakatan menjaga kepentingan awam ditunjukkan di Jadual 9. Skor sangat tinggi diberikan kepada kemahiran menggalakkan masyarakat menggunakan fasiliti awam (6.00), menganjurkan kempen menjaga fasiliti awam (6.58), melantik ahli jawatankuasa daripada orang awam (5.79) dan mendapatkan sokongan pihak swasta dan NGO untuk mengurus dan menjaga fasiliti awam (5.84). Skor tinggi diberikan kepada inisiatif kelima iaitu menganjurkan pertemuan melibatkan semua pihak berkepentingan (5.47).

**Jadual 9.** Nilai mean, sisihan piawai dan varians bagi kemahiran galakkan penyertaan

No.	Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varians
1.	Menggalakkan masyarakat menggunakan fasiliti awam	6.00	1.374	1.889
2.	Mengadakan kempen kesedaran menjaga fasiliti awam	6.58	1.539	2.368
3.	Melantik jawatankuasa daripada orang awam	5.79	1.584	1.584
4.	Mendapatkan sokongan swasta untuk membangun dan mengurus perkhidmatan dan fasiliti berkepentingan awam	5.84	1.425	1.425
5.	Menganjurkan pertemuan dengan pihak berkepentingan	5.47	1.264	1.264

## Kompetensi 4. Berkerjasama dengan masyarakat

Penghulu mukim memberikan skor sangat tinggi bagi semua item kemahiran untuk mewujudkan kerjasama dengan masyarakat seperti ditunjukkan di Jadual 10. Kemahiran tersebut adalah menerap nilai-nilai bermasyarakat (6.05), menghargai sumbangan dan penglibatan orang awam (6.89), memberi peluang kepada orang awam untuk memikul tanggungjawab (6.68) dan mendapatkan bantuan daripada swasta dan NGO untuk membantu agensi kerajaan dalam hal ehwal kepentingan awam (6.32).

**Jadual 10.** Nilai mean, sisihan piawai dan varians bagi kemahiran berkerjasama

No.	Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varians
1.	Menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan di tempat awam	6.05	1.129	1.275
2.	Menghargai penglibatan dan sumbangan masyarakat	6.89	1.689	1.877
3.	Memberi peluang kepada orang awam	6.68	1.455	2.117
4.	Bekerjasama dengan swasta	6.00	1.414	2.000
5.	Menggalakkan swasta dan NGO membantu agensi kerajaan	6.32	1.600	2.561

**Kompetensi 5. Memperkasa permuafakatan**

Tahap kemahiran penghulu mukim untuk memperkasa permuafakatan menjaga kepentingan awam ditunjukkan di Jadual 11. Skor sangat tinggi diberikan kepada item saling memberi galakan (5.84). Skor tinggi diberikan kepada semua item lain iaitu mengagih tanggungjawab kepada orang awam untuk mengurus perkhidmatan dan fasiliti berkepentingan awam (5.63), agihan tanggungjawab kepada pihak swasta (5.21), menjalin persefahaman antara pihak berkepentingan dalam komuniti (5.58) dan memberi pengiktirafan kepada organisasi luar (5.53).

**Jadual 11.** Nilai mean, sisihan piawai dan varians bagi kemahiran memperkasa aktiviti

No.	Pernyataan	Mean	Sisihan Piawai	Varians
1.	Memberi tanggungjawab kepada orang awam	5.63	1.832	3.357
2.	Tanggungjawab dipikul pihak swasta	5.21	1.988	3.953
3.	Jalinan persefahaman antara orang awam dan komuniti	5.58	1.170	1.368
4.	Saling memberi galakan	<b>5.84</b>	1.708	2.918
5.	Pengiktirafan dari organisasi luar	5.53	1.967	3.485

**PERBINCANGAN**

Dapatan pertama kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti peluang menghadiri latihan, kemahiran berkomunikasi, manual perkhidmatan, kehadiran pakar dan mengenali masyarakat merupakan elemen asas yang dapat mempengaruhi tahap motivasi dan kebertanggungjawaban penghulu mukim. Dapatan ini adalah selari dengan rumusan Rami et al. (2017) bahawa keberkesanan pimpinan komuniti memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dan berupaya untuk memberi impak positif kepada pembangunan sosial, ekonomi dan budaya, serta perubahan cara berfikir kalangan masyarakat di luar bandar. Kepimpinan berkesan juga penting bagi membina kesepakatan dalam masyarakat (Rezaul Islam et al., 2020). Selanjutnya Famakinwa et al. (2019) menyatakan bahawa pemimpin masyarakat sangat diharapkan untuk melindungi kebijakan ahli, mengatur mobilisasi komuniti dan menyelenggara kelestarian projek pembangunan. Namun demikian tanggungjawab ini tidak mudah untuk dilaksanakan kerana pemimpin masyarakat seperti penghulu mukim turut berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kesukaran membuat keputusan, kurangnya rangkaian luaran, penyebaran maklumat yang tidak tepat, ketiadaan penyertaan menyeluruh ahli komuniti, ketiadaan rujukan umtul menghasilkan pelan kerja yang

cekap, pertindihan fungsi dengan agensi kerajaan, kawalan politik dan kekurangan kemudahan dan infrastruktur (Rami et al., 2021).

Dapatkan kedua kajian ini menunjukkan bahawa penghulu mukim mempunyai kemahiran tinggi untuk merangka strategi permuafakatan yang melibatkan kepentingan awam. Ia mencakupi semua lima aspek kemahiran iaitu memulakan inisiatif, bekerjasama dengan masyarakat, berunding, melibatkan penyertaan masyarakat dan memperkasa inisiatif permuafakatan. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini adalah penting kerana ia selaras dengan prinsip-prinsip permuafakatan komuniti iaitu adanya batasan komuniti, saling mengenali dan menyertai komuniti, membina matlamat secara kolektif, mementingkan kerjasama, menghormati kepelbagaian dan berbezaan dalam komuniti, menggerakkan aset komuniti dan membangunkan kapasiti, mengekalkan fleksibiliti dan memberikan sepenuh komitmen terhadap permuafakatan tersebut (Schlake, 2015).

Amnya bagi program komuniti berskala besar, kesepakatan antara badan korporat dan komuniti setempat adalah penting bagi menjamin program tersebut akan lebih berjaya (The World Bank, 2018). Untuk tujuan ini pemimpin tempatan perlu melakukan pemetaan awal, mengadakan dialog dan perundingan komuniti yang berterusan, menyediakan saluran aduan, serta pemantauan terhadap manfaat yang diterima semua pihak termasuk kesan kepada alam sekitar dan sosial. Ketua masyarakat yang mampu menyelaraskan jangkaan dan pemahaman antara para pelabur dan masyarakat akan mewujudkan persekitaran yang diperlukan untuk faedah bersama. Bagaimanapun hubungan antara pembolehubah seperti kualiti perkhidmatan pemimpin masyarakat, latar belakang komuniti dan infrastruktur masyarakat adalah sangat kompleks (Cleveland & Cleveland, 2018). Tambahan pula, skop latihan bagi program pembangunan kepimpinan sektor awam mungkin berbeza untuk pemimpin komuniti dan ia juga dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang masyarakat. Menurut Lamm et al. (2017), tidak seperti pemimpin organisasi yang bergantung kepada kuasa kedudukan jawatannya, pemimpin komuniti akan muncul apabila terdapat suatu isu yang perlu diselesaikan. Mereka mempunyai keupayaan untuk mengambil inisiatif dan menggerakkan orang lain ke arah menyelesaikan isu tersebut. Pemimpin komuniti sangat jelas dengan tujuan tindakan mereka dan secara langsung dianggap berperanan penting sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

## RUMUSAN

Peluang menghadiri latihan, kemahiran berkomunikasi, manual perkhidmatan, kehadiran pakar dan mengenali masyarakat merupakan elemen asas yang mempengaruhi tahap motivasi dan kebertanggungjawaban pemimpin komuniti seperti penghulu mukim. Penghulu mukim di Selangor mempunyai kemahiran untuk merangka strategi permuafakatan yang melibatkan kepentingan awam. Berdasarkan kepada model spektrum penyertaan awam (IAP2), skor yang tinggi dicatatkan untuk spektrum pertama dan keempat iaitu memulakan inisiatif dan bekerjasama dengan masyarakat.

Skor baik turut direkodkan untuk spektrum kedua, ketiga dan kelima iaitu berunding, melibatkan dan memperkasa inisiatif permuafakatan. Dapatan kajian ini memberi implikasi terhadap skim perjawatan dan struktur organisasi penghulu mukim. Pemilihan atau lantikan penghulu mukim sewajarnya hendaklah berlandaskan kepada kriteria kepimpinan komuniti yang dimiliki oleh calon atau pemohon. Pihak berkepentingan seperti agensi-agensi negeri termasuk institusi pendidikan seperti Universiti Selangor (UNISEL) perlu membangunkan program latihan atau kemasyarakatan yang memberi peluang kepada penglibatan masyarakat dan peningkatan kualiti kepimpinan penghulu mukim. Kajian lebih komprehensif adalah dicadangkan seperti menilai penglibatan langsung masyarakat, tahap kecekapan dan keberkesanan serta manfaat yang diterima oleh kelompok masyarakat bagi satu-satu program yang dilaksanakan di bawah institusi penghulu mukim.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini dibiayai oleh Geran Industri Semesta – MBI 2020 melalui Universiti Selangor (UNISEL) yang diluluskan bagi tempoh 12 bulan antara 1 Julai 2020 sehingga 31 Oktober 2021 [No. Geran: UNISEL/CRIL/100/01/2020(057)].

## RUJUKAN

- (2008). Pembangunan taman awam. *Jabatan Lanskap Negara* <http://www.jln.gov.my/index.php/pages/view/532>
- (2017). Buletin lanskap negara edidi 2 tahun 2017. *Jabatan Lanskap Negara*. <http://www.jln.gov.my/index.php/pages/view/282>
- (2021). Soalan lazim. *Jabatan Lanskap Negara*. <http://www.jln.gov.my/index.php/pages/view/41>
- Ahmad, J., Ahmad, A. R., Malek, J. A., & Ahmad, N. A. I. L. (2018). Social Support and Social Participation among Urban Community in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(6). <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v8-i6/4246>
- Bakar, A. N. (2018). Policy and Related Issues Pertaining Community Participation in the Management of Protected Area (PA): A Case of Pahang National Park, Malaysia. In *National Parks - Management and Conservation* (pp. 175–191). InTech. <https://doi.org/10.5772/intechopen.73048>
- Bakar, S. M. (2011). Peranan penghulu mukim di Naning pada zaman kolonial British. *Jurnal Sejarah*, 11, 1–21.
- Boone, H. N., & Boone, D. A. (2012). Analyzing Likert data. *Journal of Extension*, 50(2). [https://www.joe.org/joe/2012april/pdf/JOE\\_v50\\_2tt2.pdf](https://www.joe.org/joe/2012april/pdf/JOE_v50_2tt2.pdf)
- Chear, S. L. S., Amiruddin, S., & Mansor, A. A. (2021). Analisis program sokongan akademik di rumah kebajikan kanak-kanak persendirian. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(Special Issue), 97–113
- Chear, S. L. S., Hamzah, S. H., Yusof, N. M., & Nordin, N. (2021). Permuafakatan ibu bapa dan kejiranan untuk meningkatkan kualiti penyelenggaraan dan tahap keselamatan taman permainan di tadika swasta. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 10(1), 1–15.
- Cleveland, M., & Cleveland, S. (2018). Building engaged communities—a collaborative leadership approach. *Smart Cities*, 1(1), 155–162. <https://doi.org/10.3390/smartcities1010009>
- Durahman, A. J. P. (2012). Kepimpinan penghulu dan ketua kampung perlu menyeluruh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-20. *Pelita Brunei*.
- Famakinwa, M., Adisa, B. O., & Alabi, D. L. (2019). Factors influencing role performance of community leaders in rural development activities in southwestern Nigeria. *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis*, 67(2), 473–483.
- Farooq, R. (2018). How to design and frame a questionnaire. *Innovations in Measuring and Evaluating Scientific Information*, September, 50–60. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-3457-0.ch004>
- Hanafiah, N. A. M. (2008). *Amalan pengurusan lanskap yang efektif: Kajian kes di negeri Perak*.
- Hui, T. S., Lin, E. L. A., & Mamad, M. P. (2020). Local community participation in ecotourism at National Park in Pahang, Malaysia. *Malaysian Forester*, 83(2), 340–352.
- Ibrahim, P. H. (2015). Masalah Pengurusan Kawasan Lapang oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. *Masalah Pengurusan Kawasan Lapang Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia*, October, 181–182.

- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan* (Edisi Kedu). McGraw Hill Education.
- International Association for Public Participation. (2018). Spectrum of Public Participation. *Iap2*, 2.  
[https://cdn.ymaws.com/www.iap2.org/resource/resmgr/pillars/Spectrum\\_8.5x11\\_Print.pdf](https://cdn.ymaws.com/www.iap2.org/resource/resmgr/pillars/Spectrum_8.5x11_Print.pdf)
- JPA. (2009). *Pekeling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009: Skim Perkhidmatan Penghulu* (Vol. 15).  
<http://publications.lib.chalmers.se/records/fulltext/245180/245180.pdf%0Ahttps://hdl.handle.net/20.500.12380/245180%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.jsames.2011.03.003%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.gr.2017.08.001%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.precamres.2014.12>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.  
<https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lamm, K. W., Carter, H., Lamm, A., & Lindsay, A. (2017). Community Leadership: A Theory-Based Model. *Journal of Leadership Education*, 16(3), 118–133.  
<https://doi.org/10.12806/v16/i3/t2>
- Mansor, M., Zakariya, K., & Harun, N. Z. (2019). Challenges on use of recreational parks in Kuala Lumpur. *Journal of Construction in Developing Countries*, 24(1), 141–162. <https://doi.org/10.21315/jcdc2019.24.1.8>
- Mapjabil, J., Nurain Marzuki, S., Ab Rahman, B., Marzuki, M., Mohd Noor, H., Pembangunan, dan, Kemanusiaan, F., dan Warisan, S., Malaysia Sabah, U., Penyelidikan Kelestarian Sosial, P., dan Pembangunan, P., Sains Sosial dan Kemanusiaan, F., Malaysia, K., Geografi, J., & Sains Kemanusiaan, F. (2016). Kualiti perkhidmatan dan kemudahan di Taman Tema I-City, Shah Alam. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 86-96.  
<http://journalarticle.ukm.my/11756/1/16267-45572-1-PB.pdf>
- Oviasuyi, P. O. (2010). Model for Roles and Involvement of Local Communities in Development Projects and Programmes of Local Government Authorities in Nigeria. *Journal of Human Ecology*, 31(2), 103–109.  
<https://doi.org/10.1080/09709274.2010.11906300>
- PLAN Malaysia. (1997). Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi. In *Jabatan Perancangan Bandar* (Issue September)
- Rami, A. A. ., Abdullah, R., & Simin, M. H. A. (2017). Influence of Leadership in Rural Community Development in the State of Terengganu, Malaysia. *Ajps*, 3(1), 47–52.
- Rami, A. M., Aziz, F., Zaremohzzabieh, Z., & Ibrahim, A. (2021). Assessing the challenges of local leaders in rural community development: A qualitative study in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29, 1–18.  
<https://doi.org/10.47836/pjssh.29.s1.01>
- Ramli, M. I. (2013). Politisasi Pemimpin Bawahan Dalam Pentadbiran Negeri: Rujukan Khusus Institusi Penghulu/Ketua Kampung dan Penggawa di Kelantan. *Social Sciences Postgraduate National Seminar (SSPNS)*, 1–13.
- Rezaul Islam, M., Wahab, H. A., & Anggum, L. ak. (2020). The influence of leadership quality towards community cohesion in Iban community in Malaysia. *Heliyon*, 6(2), e03370. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020.e03370>
- Roopa, S., & Rani, M. (2012). Questionnaire designing for a survey. *The Journal of Indian Orthodontic Society*, 46(4), 273–277. <https://doi.org/10.5005/jp-journals-10021-1104>

- Rosniza Azni, C. R., Nor Hasyifa, A., Rosmiza, M. Z., & Zaini, S. (2016). Pengurusan Rekreasi Di Pusat Tumpuan Bandar Bukit. *Journal of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1(1), 88–96.
- Schlake, M. R. (2015). Community Engagement : Nine Principles Community. *Cornhusker Economics, University of Nebraska-Lincoln Extension*, 726(June), 1–5.
- Sreejesh, S., Mohapatra, S., & Anusree, M. R. (2014). Questionnaire Design. In *Business Research Methods* (pp. 143–159). Springer International Publishing. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-00539-3\\_5](https://doi.org/10.1007/978-3-319-00539-3_5)
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal of Medical Education*, 2, 53–55. <https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd>
- The World Bank. (2018). Community Engagement Strategies. *Community Engagement Strategies*, 1–5. <https://doi.org/10.1596/29473>
- Tuke, T., Karunakaran, R., & Huka, R. (2017). Role of Local Government for Community Development-A Study in Aleta Wondo Town Administration, Sidama Zone, SNNPR State, Ethiopia. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, 22(9), 64–71. <https://doi.org/10.9790/0837-2209146471>
- Zurina, M., & Hukil, S. (2008). Hubungan nilai masyarakat dan pembangunan : Satu analisa. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, 8, 77–94.